



HUKUM KONGSIRAYA

Aura 'Idulfitri masih lagi dapat dirasakan dalam bulan Syawal 1430H ini. Sudah menjadi kebiasaan di Malaysia di mana 'rumah terbuka' menjadi salah satu acara yang mewarnai kemeriahan Syawal, dari awal bulan sampailah ke penghujungnya. Apa yang menjadikan Syawal 'luar biasa' di Malaysia ini adalah fenomena yang muncul semenjak terjadinya tarikh perayaan serentak tiga kaum yang terbesar di negara ini. Akibat tindakan sang pemimpin, maka muncullah konsep kongsiraya yang tak pernah dikenal oleh umat Islam sebelum ini. Istilah gongxiraya dan deeparaya menjadi buah tutur masyarakat. Konsep 'rumah terbuka Malaysia' diperkenalkan secara besar-besaran di mana setiap kaum diseru meraikan perayaan bersama-sama. Hasilnya, segelintir umat Islam mula menyambut dan meraikan perayaan Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan lain-lain lagi bersama-sama. Kemalasan dan kejahilan umat Islam di dalam mengkaji dan memahami hukum syarak telah menyaksikan saban tahun mereka bercampur dengan golongan kuffar dalam meraikan kongsiraya. Toleransi dan perpaduan menjadi alasan utama golongan ini bagi menjustifikasikan perbuatan mereka. Sang pemerintah pula tidak habis-habis mengeluarkan fatwa bahawa sesiapa sahaja dari umat Islam yang 'menentang' amalan kongsiraya ini, maka mereka akan termasuk ke dalam golongan 'ekstremis agama'. Ternyata, fatwa hebat ini telah berjaya menakutkan sesetengah golongan rakyat manakala sesetengah golongan lagi melannya bulat-bulat.

Keadaan semakin parah dan bertambah celaru apabila ada sejumlah 'ulama' atau 'tokoh Islam' yang turut terlibat di dalamnya, malah mereka 'mensahkan' sambutan kongsiraya tersebut dengan pelbagai dalil dan dalih yang telah disimpang-siurkan sedemikian rupa. Kebelakangan ini, parti politik Islam pun tidak terkecuali mengadakan majlis terbuka bagi meraikan perayaan tiga kaum/agama ini serentak, walhal dulu mereka menentang amalan ini habis-habisan kerana bertentangan dengan hukum syarak. Natiyah dari semua ini, walaupun tarikh raya tiga kaum di Malaysia kini sudah tidak lagi sama, namun konsep 'kongsiraya' masih tetap di amalkan kerana kejahilan yang masih membelit umat Islam. Yang lebih memuahkan, ia di adakan bukan atas dasar kejahilan, namun untuk meraih maslahat politik (*political milage*) tertentu darinya. Halal dan haram sudah dicampak ke tepi oleh mereka dan maslahat politik telah menjadi satu-satunya tolok ukur. Nampaknya gagasan liberalisme dan pluralisme di bawah konsep 1Malaysia yang diperkenalkan Perdana Menteri telah berjaya merasuk pemimpin parti Islam. Sautun Nahdhah kali ini akan mengungkap kepincangan dalam persepsi dan penerimaan kaum Muslimin terhadap perayaan dan upacara keagamaan kaum kuffar serta memberikan pandangan Islam dalam permasalahan ini. Semoga hidayah Allah tercurah ke atas mereka yang ingin kembali ke jalan yang benar.

Hukum Meraikan Perayaan Kufur

Pada dasarnya, Islam telah melarang kaum Muslimin melibatkan diri di dalam perayaan orang-orang kafir, apa pun bentuknya. Melibatkan diri di sini mencakupi aktiviti mengucapkan selamat, hadir ke rumah mereka, hadir di majlis-majlis terbuka anjuran mereka, menganjurkan perayaan untuk mereka (ini lebih buruk), hadir di jalan-jalan untuk menyaksikan atau melihat perayaan orang kafir, mengirim kad selamat, memberikan hadiah kepada mereka dan sebagainya. Maksud 'perayaan' orang kafir di sini mencakup seluruh perayaan hari raya, perayaan hari suci mereka dan semua hal yang berkaitan dengan hari yang disambut oleh orang-orang kafir yang ada hubung kait dengan akidah dan kepercayaan mereka, baik kafir musyrik mahupun kafir ahlu kitab. Ketentuan ini didasarkan pada firman Allah SWT, "*Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah orang-orang) yang tidak menghadiri (la yash-haduna) tempat-tempat yang melakukan perkara-perkara yang dilarang (al-zur), dan apabila mereka melewati (orang-orang) yang mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka lalui (sahaja) dengan menjaga kehormatan dirinya*" [TMQ al-Furqan (25):72].

Menurut sebahagian besar Mufasssirin, kata *al-zur* (kepalsuan) dalam ayat ini adalah bermakna syirik (Imam al-Syaukani, Fath al-Qadir, juz 4, hal. 89). Beberapa Mufasssirin seperti Abu 'Aliyah, Thawus, Muhammad bin Sirrin, al-Dhahhak dan al-Rabi' bin Anas menjelaskan makna *al-zur* di sini adalah hari raya kaum Musyrikin. Lebih luas, Amru bin Qays mentafsirkannya sebagai majlis-majlis yang buruk dan kotor [Ibnu Katsir, Tafsir Ibnu Katsir, juz 3, hal. 1346]. Sedangkan kata *la yash-haduna*, menurut jumur ulama bermakna *la yahdhuruna al-zur*, maksudnya '*tidak menghadirinya*' [Imam al-Syaukani, Fath al-Qadir, juz 4, hal. 89]. Memang ada yang memahami ayat ini berhubung dengan pemberian kesaksian palsu (*syahadah al-zur*) yang di dalam Hadis Sahih dikategorikan sebagai dosa besar. Akan tetapi, dari konteks kalimatnya, makna yang lebih tepat adalah *la yahdhurunahu* (tidak menghadirinya). Ini kerana, dalam sambungan ayat seterusnya disebutkan, "*...dan apabila mereka melewati (orang-orang) yang mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka lalui (sahaja) dengan menjaga kehormatan dirinya*".

Dengan demikian, keseluruhan ayat ini memberikan pengertian bahawa 'mereka tidak menghadiri *al-zur*.' Dan jika mereka melewatinya, maka mereka segera melepaskannya, dan tidak mahu terpalit kekotorannya sedikit pun [Tafsir Ibnu Katsir, juz 3, hal. 1346]. Dari ayat ini, ramai *fuqaha'* yang menyatakan haramnya menghadiri perayaan/hari raya kaum kafir. Imam Ahmad bin Hanbal berkata, "*Kaum Muslimin telah diharamkan untuk merayakan hari raya orang-orang Yahudi dan Nasrani*." Imam al-Amidi dan Qadhi Abu Bakar al-Khalal menyatakan, "*Kaum Muslimin dilarang keluar untuk menyaksikan hari raya orang-orang kafir dan musyrik*". Al-Qadhi Abu Ya'la al-Fara' berkata, "*Kaum Muslimin telah dilarang untuk merayakan hari raya orang-orang kafir atau musyrik*". [Ibnu Tamiyyah, *Iqtidha' al-Sirath al-Mustaqim*, hal. 201].

Ibnu Qayyim al-Jauziyyah mengatakan, "*Sebagaimana mereka (kaum Musyrikin) tidak diperbolehkan menampakkan syiar-syiar mereka, maka tidak diperbolehkan pula bagi kaum Muslimin menyetujui dan membantu mereka menzahirkan syiar itu serta hadir bersama mereka. Demikian menurut kesepakatan ahli ilmu*." Abu al-Qasim al-Thabari mengatakan, "*Tidak diperbolehkan bagi kaum Muslimin menghadiri hari raya mereka kerana mereka berada dalam kemungkar dan kedustaan (zawr). Apabila ahli ma'ruf bercampur dengan ahli mungkar, tanpa mengingkari mereka, maka ahli ma'ruf itu adalah sebagaimana halnya orang yang meredhai dan terpengaruh dengan kemungkar itu. Maka kita takut akan turunnya murka Allah atas jamaah mereka, yang meliputi secara umum. Kita berlindung kepada Allah dari murkaNya*". [Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Ahkam Ahl al-Dzimmah*, juz 1, hal. 235]. Abdul Malik bin Habib, salah seorang ulama Malikiyyah menyatakan, "*Mereka tidak (boleh) dibantu sedikit pun pada hari perayaan mereka. Sebab, tindakan tersebut merupakan penghormatan terhadap kemusyrikan mereka dan membantu kekufuran mereka. Dan seharusnya para penguasa melarang kaum Muslimin melakukan perbuatan tersebut. Ini adalah pendapat Imam Malik dan lainnya. Dan aku tidak mengetahui perselisihan tentang hal itu*" [Ibnu Tamiyyah, *Majmu' al-Fatawa*, juz 6 hal 110].

Pada masa-masa pemerintahan Islam, sejak zaman Rasulullah SAW, kaum Muslimin diharamkan merayakan perayaan Ahlu Kitab

dan kaum musyrik. Dari Anas ra bahawa ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah, penduduk di sana menyambut perayaan (*Mahrajan* dan *Nairuz*) sepertimana kebiasaan kaum Rom dan Parsi. Nabi SAW bertanya: “Apakah dua hari ini?” Mereka menjawab: “Adalah kami di zaman Jahiliyah bermain (*berseronok*) dalam dua hari ini.” Sabda Nabi, “*Sesungguhnya Allah telah menggantikan bagi kamu semua dengan hari yang lebih baik dari dua hari tersebut iaitu hari raya al-Adha dan Hari raya al-Fitr.*” [HR Ahmad, Abu Daud, An-Nasa’i dan Al-Baghawi].

Pada masa pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khaththab, beliau juga telah melarang kaum Muslimin merayakan hari raya orang-orang kafir. Imam Baihaqi telah menuturkan sebuah riwayat dengan sanad sahih dari Atha’ bin Dinar, bahawa Umar ra pernah berkata, “*Janganlah kalian memasuki kaum Musyrik di gereja-gereja pada hari raya mereka. Sesungguhnya murka Allah SWT akan turun kepada mereka pada hari itu.*” Umar bin al-Khaththab ra juga mengatakan, “*Jauhilah musuh-musuh Allah pada di hari raya mereka.*” Demikianlah, Islam telah melarang umatnya melibatkan diri di dalam perayaan orang-orang kafir, apa sekalipun bentuknya. Ditegaskan sekali di sini bahawa melibatkan diri bermaksud melakukan apa jua aktiviti seperti mengucapkan selamat, hadir ke rumah mereka, hadir di majlis-majlis terbuka anjuran mereka, menganjurkan perayaan untuk mereka (ini lebih buruk), memberikan hadiah kepada mereka dan sebagainya. Dan ‘perayaan’ orang kafir di sini bermaksud seluruh hari raya, perayaan hari suci mereka dan semua hal yang berkaitan dengan hari yang disambut oleh orang-orang kafir yang ada hubung kait dengan akidah dan kepercayaan mereka, baik kafir musyrik mahupun kafir ahlul kitab.

Sikap yang sewajarnya dilakukan oleh kaum Muslimin adalah menjelaskan kesesatan mereka dan mengajak mereka kembali ke jalan yang benar (yakni) Islam, bukannya mengucapkan selamat terhadap mereka. Tindakan mengucap selamat atau terlibat di dalam meraikan perayaan kuffar ini bermaksud sikap redha dan cenderung terhadap kemungkinan besar yang mereka lakukan. Padahal Allah SWT mengingatkan, “*Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang zalim yang menyebabkan kamu disentuh api neraka, dan sekali-kali kamu tiada mempunyai seorang penolong pun selain daripada Allah, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan.*” [TMQ Hud (11):113].

Ruang Lingkup ajaran Islam

Sesungguhnya ajaran Islam meliputi dua perkara penting dalam kehidupan, iaitu ajaran yang bersifat (i) **ruhiyah (spiritual)** dan ajaran yang bersifat (ii) **siyasiyah (pengaturan urusan kehidupan)**. Ajaran yang bersifat **ruhiyah** dikaitkan dengan doktrin aqidah Islam itu sendiri serta aspek ibadah khusus, di samping ‘syiar’ Islam yang memiliki nilai ibadahnya sendiri seperti masjid, laungan azan, al-liwa’ (*panji hitam bertulis kalimah tauhid*) dan lain-lain lagi. Antara syiar Islam termasuklah perayaan kaum Muslimin seperti Idul Fitri dan Idul Adha. Sejak dulu, syiar Islam ini tidak pernah digabungkan dengan syiar kufur kerana umat Islam faham bahawa hak dan batil haram untuk dicampurkan. Namun kebelakangan ini apabila konsep ‘liberalisasi’ diterapkan ke atas umat Islam, ia berjaya mengubah persepsi secara total hinggan tiada lagi sempadan yang membezakan soal halal dan haram atau iman dan kufur. Ledakan liberalisasi begitu kuat menerpa umat sehinggakan ‘syiar’ Islam yang berupa Idul Fitri dan Idul Adha telah digabungkan dengan syiar (perayaan) kufur oleh segelintir kaum Muslimin. Walhal Allah SWT dengan jelas berfirman, “*Katakanlah kepada orang kafir...bagimu agamamu, dan bagiku agamaku*” [TMQ Al-Kafirun (109): 6]. Nas ini, dan beberapa nas yang lain yang telah dijelaskan menunjukkan perbezaan akidah di antara orang-orang Islam dan kafir dan langsung tidak ada ‘gabungan’ dalam masalah agama. Agama kita benar dan agama mereka sesat lagi salah dan bakal menghumban mereka ke neraka Jahanam. Inilah hakikatnya. Islam tidak akan sekali-kali berkompromi dengan kuffar dalam soal aqidah dan syariah biarpun dibenci oleh orang-orang kafir, munafik mahupun musyrik!

Ruang lingkup ajaran Islam yang kedua adalah bersifat **siyasiyah/ politik (mengatur urusan kehidupan)** bagi setiap manusia. Allah telah menurunkan peraturan yang lengkap meliputi tatacara hubungan individu dengan dirinya sendiri seperti masalah berpakaian, makanan dan juga akhlak. Manakala terhadap orang-orang non-Muslim, dalam hal makanan, minuman dan pakaian, Islam membenarkan mereka berbuat sesuai dengan agama mereka, namun dalam batas yang diperbolehkan hukum syarak ke atas mereka. Selain merincikan hukum untuk mengatur diri sendiri, Islam juga datang dalam bentuk yang sempurna untuk mengatur hubungan manusia dengan manusia yang lain (sama ada Muslim dengan Muslim atau Muslim dengan kafir) dalam dua aspek utama, *muamalat* dan *uqubat*. Dari keduanya, terbit sistem politik, pemerintahan, ekonomi, pergaulan (antara lelaki dan perempuan), pendidikan dan sebagainya. Aspek hubungan sesama manusia ini merupakan ruangan yang paling luas sekali yang dibincangkan sehingga para cendekiawan Islam meletakkan kedudukannya 90% dari ajaran Islam.

Dalam aspek *muamalat*, umat Islam dibolehkan berinteraksi atau *bermuamalat* dengan non-Muslim tanpa ada sekatan agama. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sendiri pernah mengupah Abdullah bin Uraiqith yang masih musyrik dari Bani Dail untuk menjadi pemandu arah semasa Baginda berhijrah ke Mekah. Rasulullah SAW juga diriwayatkan pernah menggadaikan baju besinya kepada seorang pekedai Yahudi. Saidina Ali *karramallahu wajhah* pernah berkata: “*Aku bekerja untuk seorang perempuan Yahudi dengan upah setiap timba air ditukar dengan sebutir kurma. Kemudian aku ceritakan hal itu kepada Rasulullah dan aku bawakan beberapa butir kurma lalu beliau pun memakan sebahagian kurma tersebut bersamaku.*” [HR. Al-Bukhari].

Malangnya, sebahagian umat Islam, malah termasuk golongan cendekiawan dan ulama sendiri ‘tidak membenarkan’ kaum Muslimin *bermuamalat* dengan non-Muslim. Boleh dikatakan saban hari kita mendengar rakan-rakan Muslim kita menegur, memarahi atau tidak berpuas hati apabila saudaranya membeli barangan daripada orang kafir. Malah ada yang mengemukakan nas untuk ‘mengharamkan’ perkara ini berdasarkan alasan bahawa kita wajib tolong-menolong sesama Muslim dan tidak boleh membantu orang kafir khususnya dari segi ekonomi. Alangkah anehnya dengan Muslim sebegini. Mereka menghalang orang lain, dan mereka sendiri juga tidak sanggup atau benci untuk membeli barang dari kedai orang kafir, dan mereka sering bersungut apabila rakan Muslim lainnya *bermuamalat* dengan orang kafir, namun dalam masa yang sama mereka sanggup pula, malah dengan muka yang begitu manis meraikan perayaan orang-orang kafir. Bahkan ada yang sanggup ‘menganjurkan’ perayaan untuk orang kafir. Perkara yang jelas halal (jual beli dengan orang kafir) mereka ‘haramkan’ manakala perkara yang jelas haram (meraikan perayaan orang kafir) mereka ‘halalkan’. Betapa jauhnya mereka terpesong dari kebenaran!

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Jika kita menelusuri sejarah kegemilangan Islam yang panjang, orang-orang Islam dan kafir sesungguhnya telah hidup bersama dengan sejahtera dalam Daulah Khilafah. Ketika itu, orang-orang kafir menikmati hak mereka sepenuhnya dan mereka tunduk serta berterima kasih kepada Islam. Namun, umat Islam saat itu tidak pernah sekali-kali berkompromi dengan mengadakan sambutan perayaan bersama mereka (orang kafir) untuk mewujudkan kesejahteraan tersebut. Umat Islam benar-benar berpegang kepada hukum syarak dan mereka tidak pernah menggadaikan agama mereka untuk kemaslahatan duniawi sebagaimana yang dilakukan oleh segelintir umat Islam sekarang. Ingatlah wahai saudaraku, bahawa ‘sambutan hari raya’ adalah terkait rapat dengan persoalan akidah dan syiar agama kita dan agama mereka. Sesungguhnya dalam hal ini Allah Azza wa Jalla telah mengajarkan kita untuk mengucapkan kepada mereka, “*bagimu agamamu dan bagiku agamaku..*”. Apakah ada perkataan lain yang lebih baik dari ini untuk diucapkan kepada orang-orang yang mengkufuri Allah?